

Pencak silat di Sukan SEA matlamat Persilat

Oleh MAFOOT SIMON

- 3 JAN 1984

MENJADIKAN pencak silat olahraga sebagai salah satu bidang pertandingan dalam Sukan Asia Tenggara adalah matlamat segera Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (Persilat).

Badan induk kegiatan seni silat kerantauan itu sedang berusaha membuat saranan kepada penganjur Sukan SEA di Brunei dalam 1985 untuk menerima kegiatan itu sebagai salah satu bidang pertandingan.

Pada masa yang sama, pertubuhan silat nasional yang menjadi anggota pengasas Persilat juga akan menyuarakan harapan mereka kepada pihak-pihak berkuasa di negara masing-masing.

Pertubuhan-pertubuhan tersebut adalah Persekutuan Seni Silat Singapura (Persisi) di Singapura, Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI) di Indonesia dan Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka) di Malaysia.

Malah, perbincangan ke arah itu telah dilakukan antara IPSI, sebagai pertubuhan silat nasional yang 'tertua' antara ketiga pertubuhan pengasas Persilat, dengan wakil dari kerajaan Brunei, November lalu.

Mesyuarat

Demikian ditegaskan oleh Ketua Umum IPSI, Mejar-Jeneral Eddy M.Nalapraya, dalam satu sidang akhbar sempena mesyuarat pra-kongres Persilat yang akan diadakan di Kuala Lumpur pertengahan tahun ini.

Sidang akhbar yang diadakan di Hotel Paramount, tempat mesyuarat itu, juga dihadiri oleh

Setiausaha Agung Persilat, Encik Oyong Karmayuda, Setiausaha Agung Pesaka, Encik Abdul Rahman Hassan, dan Setiausaha Agung Persisi, Encik M.Johari Uriff serta wakil-wakil mereka.

Beliau menegaskan Persilat yakin akan dapat menjayakan silat sebagai bidang pertandingan kerana ia mempunyai kelengkapan yang cukup untuk menganjurkan pertandingan itu terutama dalam bidang pengadilan.

Encik Oyong Karmayuda pula berkata, Brunei juga telah menyatakan hasratnya untuk menjadi anggota Persilat.

Diundang

"Kami harap harapan mereka dan harapan kami akan menjadi kenyataan," tambah beliau lagi. Encik Karmayuda malah menambah bahawa harapan Persilat ialah supaya semua negara anggota Asean menjadi anggota Persilat.

Usaha-usaha ke arah itu telah dijalankan dan "terpulanglah kepada pemerintah berkenaan untuk menimbangkannya" kata beliau.

Beliau berkata Persilat telah menghantarkan surat mengundang dengan rasmi persatuan nasional silat Brunei, menjadi anggotanya. Idea itu diterima baik secara bersama," katanya.

Beliau berharap jika perwakilan Brunei hadir dalam kongres di Kuala Lumpur nanti, mereka akan membawa khabar yang baik bagi Persilat. Brunei telah diundang ke kongres tersebut.

Dengan pelibatan Brunei nanti, Persilat berharap akan menambahkan peluangnya untuk menjadikan silat sebagai satu bidang pertandingan dalam Sukan SEA satu kenyataan.



MEJ-JEN NALAPRAYA
Ketua Umum IPSI



ENCIK A RAHMAN
Setiausaha Agung Pesaka